



TEKS UCAPAN
YAB DATUK PATINGGI TAN SRI (DR)
ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI BIN
TUN DATUK ABANG HAJI OPENG
PREMIER SARAWAK
SEMPENA
SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2023
PERINGKAT KEBANGSAAN
SABTU, 16 SEPTEMBER 2023
(8.15 MALAM)
STADIUM PERPADUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sarawak Maju Makmur & Salam Malaysia Madani.

- 1. Tuan Yang Terutama Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar, Pemangku Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, dan**
- 2. Yang Amat Berbahagia Puan Sri Dato Hajah Fatimah binti Haji Mohd Iskandar;**
- 3. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri, dan**
- 4. Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail;**
- 5. Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah, dan**
- 6. Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Juliah Salag;**

- 7. Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri;**
- 8. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Hajah Ruziah binti Mohd Tahir;**
- 9. Yang Berhormat Menteri-Menteri Pengerusi Bertanggungjawab;**
- 10. Ahli-Ahli Yang Berhormat;**
- 11. Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati.**

1. Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan kurniaNya, kita dapat berkumpul dan bersama-sama meraikan

Sambutan Hari Malaysia 2023 Peringkat Kebangsaan di Sarawak pada malam yang berbahagia ini.

2. Saya amat berbesar hati mengalu-alukan kehadiran YAB Perdana Menteri dan juga semua ahli Kabinet Persekutuan dan juga Negeri Sabah serta para hadirin yang turut bersama pada malam ini yang datangnya terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, bangsa dan agama, untuk kita bersama-sama meraikan hari yang cukup bermakna kepada negara kita.

3. I wish to welcome all our guests to Kuching, City of Unity, and incidentally, or fittingly, this evening we are gathered here in this Unity Stadium to celebrate Malaysia Day that was founded 60 years ago on the basis of unity and camaraderie among the multi-racial and multi-religious people of this land.

4. And, again by co-incidence, or otherwise, Malaysia is now administered by a Unity Government under the leadership of our Prime Minister, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

So, much of the things we talk about this evening is about "Unity".

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

5. Seperti yang kita sedia maklum, Malaysia wujud pada hari ini, 16 September, 60 tahun yang lalu. Tanah Melayu telah merdeka pada 31 Ogos, 1957, iaitu 6 tahun lebih awal daripada penubuhan Malaysia. Seharusnya, 16 September juga sama penting dengan 31 Ogos kerana kedua-kedua tarikh tersebut saling berkait dari segi kepentingannya kepada kewujudan negara ini.

6. Secara peribadi, saya kira tidak payahlah kita berdebat panjang lebar mengenai tarikh-tarikh ini tetapi memberi fokus kepada usaha penyatuan wilayah-wilayah dan penyatuan bangsa di samping memastikan pembangunan dilaksanakan sama rata di setiap wilayah.

7. Selain itu, apa yang penting ialah Perayaan Hari Malaysia sepatutnya menyedarkan seluruh rakyat Malaysia

bahawa bumi Malaysia itu wujud daripada Kangar, hingga ke Kuching dan terus ke Kota Kinabalu di bahagian Timur.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

8. Pada sebelah siang hari ini Kabinet Persekutuan telah bermesyuarat di Kuching sempena Sambutan Hari Malaysia ini. Terima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang telah membawa Kabinet beliau untuk bermesyuarat di Kuching. Saya amat berharap Kabinet Persekutuan dengan kehadiran ahli-ahlinya di Kuching boleh memahami hala tuju pembangunan di Sarawak di samping terus mempereratkan kerjasama antara Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Pusat.

9. Sehubungan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang telah menyatakan komitmen untuk memberi fokus kepada pembangunan di Sarawak, dan juga Sabah, pada Rancangan Malaysia ke-12 di samping memberi keutamaan untuk menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan MA63.

Hadirin yang dihormati,

10. KDYMM YDPA Agong dan Raja Permaisuri Agong baharu sahaja selesai mencemar duli mengadakan Kembara Kenali Borneo yang bermula pada 8 September di Tawau, Sabah dan berakhir di Telok Melano, Sarawak pada 13 September. Baginda berdua mengambil masa 11 hari untuk bergerak dari hujung sebelah Utara ke hujung sebelah Selatan Malaysia di Pulau Borneo dengan jarak lebih 2,000 km.

11. Sepanjang perjalanan baginda berdua jelas sekali kelihatan bahawa sambutan rakyat tidak mengira bangsa atau keturunan sungguh luar biasa. Baginda sampai di Kuching selepas tengah malam tetapi rakyat jelata masih berpusu-pusu setia menunggu ketibaan Baginda dan kerabat di Raja.

12. Saya amat percaya sambutan rakyat jelata yang cukup meriah dan mesra terhadap Baginda berdua telah menunjukkan bahawa mereka menyanjung tinggi institusi

Yang Di-Pertuan Agong sebagai faktor penyatuan rakyat pelbagai bangsa, agama dan budaya di Sabah dan Sarawak khususnya dan Malaysia amnya.

13. Dan janganlah kita lupa bahawa kestabilan yang ada sekarang di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan merupakan hasil kebijaksanaan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong menyelesaikan kemelut politik negara sedikit masa dahulu. Oleh itu, janganlah kita mensia-siakan harapan Baginda tetapi terus membawa rakyat untuk bersatu padu untuk membina Malaysia yang lebih utuh dan gemilang. Saya amat berharap dan berdoa agar kestabilan ini kekal sehingga tibanya Pilihanraya Umum yang seterusnya.

PERHUBUNGAN PERSEKUTUAN, NEGERI BERDASARKAN PERLEMBAGAAN, MA63

Para hadirin yang saya hormati,

14. Kerajaan GPS di Sarawak berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah menunjukkan kesediaan untuk mengembalikan hak-hak Sarawak dan juga Sabah, seperti yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), yang telah terhakis.

15. Ini adalah kehendak keseluruhan rakyat Sarawak supaya hak dan keistimewaan Sarawak dalam Perlembagaan dan MA63 terus dihormati dan dilaksanakan seperti yang dipersetujui oleh para pemimpin kemerdekaan pada tahun 1963.

16. Sarawak mungkin dituduh bersikap kedaerahan dengan tuntutan-tuntutan tersebut tetapi rakyat Sarawak

hanya mahu hak Sarawak dan tidak berniat untuk merampas hak orang lain.

17. Perlembagaan telah menentukan perkara-perkara yang di bawah bidang kuasa Persekutuan (Federal List), bidang kuasa negeri (State List) dan bidang kuasa bersama (Concurrent List). Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hendaklah berdasarkan undang-undang tertinggi negara tersebut.

18. Namun, pembahagian kuasa tersebut tidak bermakna pihak Persekutuan dan Negeri tidak boleh bekerjasama untuk kepentingan bersama. Contohnya, kerjasama antara Sarawak dan Petronas melalui Perjanjian Penyelesaian Secara Komersil (CSA) telah membuka ruang kerjasama antara kedua-dua pihak yang memberi manfaat kepada negara dan juga kepada Sarawak.

19. Kuasa pihak persekutuan juga boleh diturunkan kepada negeri secara pentadbiran untuk memudahkan pembangunan di peringkat negeri. Contohnya, penurunan

kuasa untuk melaksanakan projek-projek bernilai kurang daripada RM50 juta baru-baru ini dan pengiktirafan JKR Negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri sebagai Jabatan Teknikal supaya boleh melaksanakan projek-projek infrastruktur dan kemudahan awam dengan lebih licin dan pantas.

20. Di samping itu, negeri ada juga undang-undang negeri yang wujud sebelum penubuhan Malaysia seperti Oil and Mining Ordinance (OMO) Sarawak yang telah digubal pada 1958. OMO 1958 tidak pernah dibatal untuk memberi laluan kepada Petroleum Development Act 1974 (PDA 1974) tetapi terus wujud untuk mengawal pembangunan sumber minyak di Sarawak. OMO 1958 dan PDA 1974 harus wujud bersama dalam semangat perkongsian yang pintar untuk kepentingan negeri dan juga negara. Kalau Sarawak dan Sabah makmur, Malaysia juga makmur.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

SARAWAK KUASA EKONOMI BAHARU?

21. Sarawak dan Sabah mempunyai banyak potensi besar yang harus dibangunkan untuk mempertingkatkan hasilkan negeri dan juga hasil negara. Sarawak sudah mula mengorak langkah sejak 2017 berpandukan dasar yang berstruktur untuk memajukan sumber dan potensi negeri ini dengan matlamt menjadikan Sarawak sebuah wilayah maju berpendapatan tinggi menjelang 2030.

22. Selepas mengharungi pandemik COVID-19, Sarawak telah membuat penyesuaian supaya Sarawak terus berada pada landasan yang betul untuk mengejar matlamat tersebut.

23. Justeru itu, Sarawak telah mewujudkan dasar Post Covid Development Strategy 2030 (PCDS 2030) sebagai landasan utama bagi mencapai visi menjadikan Sarawak sebagai Wilayah Maju Berpendapatan Tinggi pada tahun 2030.

24. Pada asasnya, PCDS 2030 yang mempunyai 3 tonggak , iaitu kemakmuran ekonomi, keterangkuman sosial dan

kelestarian alam sekitar sebagai landasan utama ke arah menjadikan Sarawak sebagai sebuah entiti ekonomi yang maju.

25. Ekoran dasar PCDS 2030, Sarawak berada agak ke hadapan dalam berberapa bidang termasuk pembangunan ekonomi hidrogen, Carbon Capture and Storage (CCS), pengeluaran tenaga boleh diperbaharui, perniagaan carbon, tenaga lestari daripada jisim bio alga atau algae *biomass*. Dengan penerokaan sumber-sumber baharu ini, dan dengan sokongan Kerajaan Persekutuan saya yakin Sarawak boleh menjadi kuasa ekonomi baharu di negara ini bahkan di rantau Asean menjelang 2030, Insyallah. Saudara dan saudari yang saya hormati,

MENGIMBANGI PERKEMBANGAN SERANTAU

26. Ketika negara jiran sedang mengorak langkah untuk membangunkan wilayah masing-masing, Sarawak dan Sabah perlu juga diberi keutamaan oleh Kerajaan

Persekutuan supaya wilayah-wilayah Malaysia di Borneo mampu menyaingi perkembangan di negara-negara jiran di rantau ini.

27. Tidak kurang pentingnya keselamatan di perbatasan harus dipertingkatkan di samping inisiatif untuk menaiktaraf kemudahan-kemudahan lintas perbatasan, khususnya CIQ.

28. Hanya sebuah Kerajaan Persekutuan yang kukuh dalam suasana kestabilan politik yang kekal sahaja yang mampu memikirkan secara fokus keperluan-keperluan di seluruh negara, khususnya keperluan di Sarawak dan Sabah.

29. Alhamdulillah, di Sarawak Kerajaan GPS yang telah mendapat mandat yang begitu besar daripada rakyat dalam Pilihan Raya Negeri yang lepas telah mampu merancang dan melaksanakan program pembangunan ekonomi negeri dengan dasar yang jelas dan konkrit.

30. Kerajaan GPS akan terus memberi sokongan kepada Kerajaan Perpaduan supaya terus wujud kestabilan yang lebih kekal agar Kerajaan Persekutuan boleh mentadbir dengan lebih fokus demi Malaysia yang mampan, lestari dan madani.

31. Walaupun, Sarawak dan Sabah menuntut berberapa perkara khususnya di bawah MA63, ia tidak beerti Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia tidak boleh bekerjasama dan memperkukuhkan perpaduan demi Malaysia yang tercinta. Penubuhan Kerajaan Perpaduan adalah bukti perbezaan tidak menjadi penghalang ke arah perpaduan.

Saudara dan saudari sekalian,

PENUTUP

32. Bagi mengakhiri ucapan ini, saya berbesar hati ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Malaysia kepada seluruh rakyat Malaysia. Semoga

ikatan perpaduan kita terus teguh dengan semangat setia kawan yang tinggi serta menjadikan kita saling hormat menghormati dan terus bersama memajukan negara dan juga melahirkan generasi Madani yang memiliki jati diri yang tinggi, setia pada ibu pertiwi.

33. Salam Segulai Sejalai, Salam Sarawak Maju Makmur, Salam Malaysia Madani, Jaga Sarawak Intu Sarawak.

34. Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.